

09 OKTOBER 2017

Harga serendah RM5 punca pelajar terjebak dadah

Harga serendah RM5 punca pelajar terjebak dadah

JOHOR BAHRU 8 Okt. - Harga serendah RM5 menjadi antara faktor utama semakin ramai pelajar sekolah dan penuntut universiti di negara ini terlibat dengan dadah sintetik jenis Amphetamine Type Stimulant (ATS) seperti ekstasi dan amphetamine.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, biasanya mereka menggunakan dadah sintetik dihasilkan secara pemrosesan campuran bahan-bahan kimia itu untuk menghadapi peperiksaan pada saat-saat akhir.

Beliau yang juga Yang Dipertua Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pepadam) berkata, mereka mengambil dadah itu supaya dapat 'bertahan' semasa

mengulang kaji disebabkan sebelum itu tidak membuat persiapan secukupnya untuk menduduki peperiksaan.

"Mereka memperoleh dadah ATS dalam bentuk pil dengan harga hanya RM5 sebiji. Biasanya dadah ATS ini digunakan dua minggu sebelum menghadapi peperiksaan," katanya dalam sidang akhbar selepas Persidangan Perwakilan Tahunan Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia Ke-43 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini hari ini.

Katanya, masalah itu serius misalnya berdasarkan statistik

pada 2015 seramai 35,675 pelajar sekolah menjalani ujian air kencing dan daripada jumlah itu, 1,475 positif dadah.

Nur Jazlan berkata, penggunaan dadah ATS adalah paling tinggi melibatkan 1,075 kes atau 73 peratus selain ganja dengan 283 kes atau 19.20 peratus dan lain-lain dadah lapan peratus.

Jelas beliau, dadah moden jenis ATS juga kini menjadi pilihan baharu menggantikan dadah tradisional seperti ganja, heroin dan morfin di kawasan panas atau hot spot seluruh negara.



**NOR JAZLAN
MOHAMED**